



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN PERTANDINGAN HALAMAN  
RUMAH BERSIH DAN INDAH PERMATANG NIBONG**

## **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**29 JULAI 2018 (AHAD)  
9.30 PAGI**

**PUSAT SUMBER ALAM SEKITAR  
PERMATANG NIBONG  
PERMATANG PAUH**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmud**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Viswanathan Paramasivam**

Ketua Operasi Flex Penang

**Yang Berusaha Encik Anas Bin Mohd Kassim**

Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Para Penduduk Permatang Nibong**

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong anjuran bersama MPSP, Flex Penang dan Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai Berhad. Program ini adalah salah satu acara yang dirancang bersempena Sambutan Hari Bumi Flex Penang yang dilancarkan pada 9 April 2018.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berusaha Encik Viswanathan Paramasivam, Ketua Operasi Flex Penang dan pihak Pengurusan Flex Penang di atas sokongan padu yang diberikan oleh Flex Penang dalam usaha Kempen Hari Bumi 2018 yang secara tidak langsung menggambarkan semangat warga Flex Penang yang cintakan kehijauan bumi dan kesejahteraan alam sekitar. Syabas dan Tahniah!

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Anas Bin Mohd Kassim, Pengerusi Koperasi Lestari Alam Sekitar Seberang Perai

Berhad dan juga para penduduk Permatang Nibong yang telah memberikan kerjasama dan komitmen dalam menjayakan program pada pagi ini.

Program Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah Permatang Nibong bersempena Kempen Hari Bumi 2018 yang diadakan hari ini adalah merupakan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan *people and private partnership*, MPSP menjalinkan kerjasama dengan syarikat korporat dan juga masyarakat setempat yang secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Tujuan program ini ialah untuk mempertingkatkan kesedaran dan amalan menjaga kesihatan serta kebersihan persekitaran dalam membentuk kampung yang bersatu-padu, indah dan tersusun menerusi aktiviti pertandingan ini.

lanya juga untuk membudayakan dan menyemai amalan menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah serta halaman bagi menghindarkan pencemaran alam sekitar, memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes, di samping mengindahkan dan menghidupkan persekitaran yang

memaparkan cara hidup orang Malaysia. Selain daripada itu, sekiranya ada ruang di halaman rumah adalah amat digalakkan untuk menanam pokok buah-buahan, pokok bunga dan juga sayur-sayuran yang berfaedah dan mendatangkan hasil untuk kegunaan sendiri.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan sekalian, kes penyakit demam denggi menunjukkan peningkatan yang seiring dengan pertumbuhan kawasan bandar, pembangunan dan peningkatan kepadatan penduduk. Pada tahun 2017, sebanyak 465 kes demam denggi dilaporkan di seluruh Seberang Perai. Pada tahun ini, iaitu 2018 pula, sebanyak 608 kes demam denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 143 atau 23.5%.

Faktor utama yang menyebabkan merebaknya penyakit denggi adalah disebabkan faktor kebersihan sekitar. Aedes membiak di dalam bekas yang dasarnya bukan tanah dan airnya bersih dan jernih. Bekas-bekas menakung air seperti tin-tin yang dibuang dan tayar buruk adalah punca pembiakan aedes. Mengikut laporan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Index Aedes tertinggi di Pulau Pinang adalah di:-

- i. Tapak binaan;
- ii. Tanah lapang / taman mainan / rumah terbiar dan bersemak samun;
- iii. Aktiviti sampah haram; dan
- iv. Penyimpanan barang lusuh.

Penduduk perlu bekerjasama dengan agensi kerajaan bagi menjaga kebersihan Seberang Perai. Mencegah lebih baik dari mengawal. Oleh itu pencegahan dari awal perlu dilakukan oleh orang ramai melalui pencegahan dengan memusnahkan tempat pembiakan aedes;

- i. Kerap melakukan gotong royong kebersihan sekitar untuk menghapus tempat pembiakan aedes.
- ii. Menjaga kebersihan sekitar dengan membuat pemeriksaan sekitar rumah setiap minggu.
- iii. Berkerjasama dengan agensi kerajaan / Pihak berkuasa tempatan dalam menjaga kebersihan Seberang Perai dalam segala aktiviti menjana kebersihan sekitar. (contohnya aktiviti program pengasingan di punca bahan buangan bagi menjana kebersihan sekitar Seberang Perai).
- iv. Tidak membuang sampah sesuka hati. Sila buang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan oleh MPSP.
- v. Rumah kediaman tidak dijadikan tempat penyimpanan barang lusuh.
- vi. Rumah kediaman tidak dibiarkan dalam keadaan semak samun / kotor.
- vii. Pemaju sentiasa menjaga tapak binaan bebas pembiakan nyamuk aedes.

- viii. Orang ramai jangan jadikan taman permainan awam, tempat rekreasi awam dan tanah lapang sebagai tempat pembuangan sampah.

Program seperti ini dianjurkan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.

Sempena Hari Majlis 2018, program kebersihan kampung dan taklimat tanaman padi organik akan di adakan di Kampung Permatang Nibong. Objektif utama program ini dilaksanakan adalah untuk memperkenalkan teknologi pengurusan pengeluaran padi organik yang mesra alam, bersih dan cekap sumber. Ianya juga untuk melestarikan penghasilan padi dan peningkatan pendapatan serta kesihatan komuniti setempat dan para pengguna. Satu taklimat akan diadakan kepada petani pada 19 Ogos 2018 jam 10.00 pagi bertempat di Dewan KAFA, Permatang Nibong, Seberang Perai Tengah. MPSP bercadang untuk mengadakan kerjasama pintar dengan Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang untuk mewujudkan Seberang Perai sebagai hub pengeluar padi organik bagi mencapai Bandar Rendah Karbon Tahun 2022.

Selain daripada menjaga kebersihan, saya ingin menekankan kepentingan amalan pengasingan sisa di punca dan juga kitar semula. Saya amat mengalu-alukan kerjasama daripada golongan masyarakat agar memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover* dan *Recycle*.

Saya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan kitar semula dan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin. Diharapkan dengan program kitar semula ini dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*".

**Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,**

Pertandingan pada hari ini telah menetapkan syarat-syarat penyertaan iaitu:-



- i. Terbuka kepada penghuni rumah dalam Permatang Nibong.
- ii. Tarikh tutup permohonan penyertaan ialah pada 30 Oktober 2018.
- iii. Penilaian awal dan pemberian khidmat nasihat akan diadakan dalam bulan September dan Oktober 2018.

Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu:-

- i. Jumlah pokok hiasan yang ditanam serta susun atur landskap (20 markah).
- ii. Penanaman sayur-sayuran (10 markah).
- iii. Keadaan kebersihan halaman rumah (30 markah).
- iv. Penggunaan bahan buangan secara optima untuk hiasan (10 markah).
- v. Penghasilan kompos sebagai baja tanaman (10 markah)
- vi. Pengasingan sisa di punca untuk kitar semula (20 markah)

Selain itu, Flex Penang juga menaja pertandingan mewarna kanak-kanak berjumlah RM590.00. Sebanyak 40 orang kanak-kanak kampung telah menyertai pertandingan ini.

Bagi memudahkan proses pemantauan dan laporan, kod QR diperkenalkan bagi penghuni rumah yang menghantar barang kitar semula ke pusat kitar semula. Rekod ini akan menjadi proses penilaian pertandingan halaman rumah bersih dan indah.

Bagi penghuni yang mendaftar awal pertandingan iaitu sebelum 22 Julai 2018 akan menerima lima (5) pohon pokok hiasan dan benih sayur kangkong dan bayam. Seramai 70 orang akan menerima sumbangan daripada MPSP.

Pada hari ini, iaitu Hari Pelancaran penghuni rumah selain dari menghantar barang kitar semula juga dikehendaki menghantar sampah sarap untuk diangkut oleh MPSP. Penghuni sendiri bertanggung jawab menjaga kebersihan dan keindahan halaman rumah sendiri dan tidak berharap orang lain datang untuk bersihkan.

Flex Penang telah sudi menaja hadiah kemenangan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah berbentuk barang-barangan elektrik dengan jumlah bernilai RM2,000.00. Hadiah-hadiah yang disediakan ialah:-

- i. Johan - Oven Elektrik bernilai RM500.00 dan sijil kepujian
- ii. Naib johan - Radio berserta CD *player* bernilai RM300.00 dan sijil kepujian

- iii. Ketiga - *Microwave Oven* bernilai RM200.00 dan sijil kepujian
- iv. Inovasi - (2 hadiah) *Food Steamer* bernilai RM100.00 dan sijil kepujian
- v. Saguhati - (10 hadiah) Kipas Meja bernilai RM80.00 dan sijil kepujian

Terima kasih kepada Flex Penang.

Penilaian oleh juri akan diadakan pada awal bulan Disember, 2018 manakala, keputusannya akan diumumkan pada akhir Disember 2018. Sehingga kini seramai 70 orang telah mendaftarkan diri untuk menyertai pertandingan ini.

### **Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Saya menyeru kepada para hadirin sekalian dan warga Seberang Perai untuk terus membantu MPSP dalam menjadikan Seberang Perai lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan*** ” atau “***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***”.

Akhir kata, terima kasih kepada penduduk Permatang Nibong yang menyokong semua usaha yang telah dibuat oleh MPSP selama ini dan berharap agar terus menyokong inisiatif-inisiatif yang direncanakan oleh MPSP ke arah pembentukan Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Terima kasih sekali lagi kepada pihak Flex Penang atas kerjasama dan sokongan yang diberikan untuk menjayakan program ini. Kepada yang mendaftar untuk bertanding, saya mengharapkan kesungguhan dan mendoakan kejayaan. Saya berharap usaha kelestarian hijau Permatang Nibong ini dapat menjadi contoh kepada komuniti-komuniti lain di Seberang Perai.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Pertandingan Halaman Rumah Bersih Dan Indah Permatang Nibong.

***Sekian,***

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**